

21 JUN 2001

UMNO-MAHATHIR

MAHATHIR NASIHAT ORANG MELAYU JANGAN MAHU UNTUNG CEPAT

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah tidak mungkin orang Melayu mendapat bahagian mereka dalam ekonomi selagi mereka terus tidak sabar untuk menjadi kaya.

Dengan kelemahan seumpama itu, mereka akan menjual apa sahaja peluang dan peruntukan yang diberi kepada mereka, Perdana Menteri berkata di dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung UMNO di sini.

"Saham, lesen, permit, kontrak dan lain-lain yang dikhaskan kepada mereka dijual terus kepada orang lain untuk mendapat keuntungan sert-merta. Selepas itu mereka memohon lagi. Dengan itu perniagaan yang disertai oleh bumiputera hanyalah penjualan keistimewaan mereka," keluh beliau.

Sepatutnya dengan bantuan Kerajaan yang begitu besar, matlamat meningkatkan bahagian Bumiputera kepada 30 peratus daripada ekonomi negara tercapai.

Malangnya orang Melayu dan Bumiputera lain tidak mempunyai budaya perniagaan, katanya.

Walaupun ada yang berjaya sehingga dapat memiliki perniagaan dan perusahaan yang agak besar, tetapi majoriti daripada orang Melayu gagal mengekal dan membesarkan perniagaan mereka.

Akhirnya semua bantuan dan peluang gagal menjayakan matlamat sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru (DEB), tambahnya.

Untuk saham yang diagih kepada Bumiputera terus kekal di tangan mereka Kerajaan terpaksa menubuhkan saham-saham amanah dan pelbagai agensi Bumiputera, yang juga membolehkan lebih banyak bumiputera memiliki saham di dalam perbadanan-perbadanan yang besar.

Daripada 12 juta Bumiputera, Dr Mahathir berkata lebih daripada tujuh juta memiliki saham dalam syarikat besar melalui saham amanah.

"Jelaslah bahawa tuduhan yang DEB menguntungkan beberapa kroni kerajaan sahaja adalah tidak benar. Jika kita hendak memperkayakan kroni adalah mudah bagi kita mengagihkan semua saham kepada mereka sahaja dan tidak kepada tujuh juta bumiputera lain," tambah beliau.

Tetapi cara ini tidak memberi peluang kepada Bumiputera melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan perniagaan kerana mereka hanya menjadi "sleeping partners" yang jahil dalam pengurusan perniagaan.

Lagipun banyak daripada syarikat yang pemilik terbesar ialah PNB (Permodalan Nasional Bhd) tidak cergas kerana PNB juta tidak dapat mengambil bahagian secara langsung dalam pengurusan syarikat yang disertainya, kata perdana menteri.

"Ini bermakna sampai bila-bilapun orang Melayu akan jahil dalam bidang perniagaan. Ini tidak akan menepati DEB," tambahnya.

Oleh sebab itu, kerajaan telah mengenal pasti tokoh-tokoh perniagaan Bumiputera yang telah mencapai kejayaan dalam pengurusan syarikat sendiri atau awam tetapi bilangan mereka tidaklah ramai. Mereka ini diberi peluang untuk membeli jumlah saham yang lebih besar atau diberi projek-projek kerajaan yang hendak diwastakan.

Sungguhpun pada umumnya mereka ini berjaya dalam mengendalikan dan menguruskan perniagaan yang besar itu, kata Dr Mahathir, kejayaan mereka tidak disenangi oleh orang asing dan oleh "beberapa kerat orang Melayu sendiri."

Tuduhan dibuat oleh media asing bahawa semua mereka yang diberi peluang adalah kroni Kerajaan, tanpa mengambil kira siapa mereka, tambahnya.

"Ini bermakna tidak akan ada sesiapa pun daripada Bumiputera yang boleh diberi peluang tanpa dituduh menjadi kroni kerajaan dan jika kerajaan tidak hendak dituduh maka individu Bumiputera tidak boleh diberi peluang sama sekali dalam bidang korporat."

Presiden UMNO berkata jika Kerajaan berpuas hati melihat tidak adanya Bumiputera di peringkat perniagaan besar dalam negara, tidak pelulah Kerajaan mendedahkan diri kepada bermacam fitnah dan tohmahan dengan memberi peluang kepada tokoh perniagaan Melayu.

Dr Mahathir berseloroh bahawa orang-orang asing mungkin berhenti menuduh kerajaan mengamalkan kronisme sekiranya semuanya dijual kepada mereka atau jangan ada penswastaan dan teruskan pemilikan oleh kerajaan.

"Sila tanya pekerja Telekom sama ada mereka sanggup kembali menjadi pekerja kerajaan dan dibayar gaji kerajaan? Lagipun kita tahu semua syarikat milik Kerajaan tidak pernah maju," katanya.

Dr Mahathir berkata DEB dan bermacam-macam usaha lain telah dibuat oleh kerajaan untuk mendapat penyertaan yang bermakna oleh orang Melayu, tetapi malangnya setelah mencuba lebih daripada 30 tahun, mereka tidak juga mencapai 30 peratus daripada ekonomi/kekayaan negara.

Setelah 43 tahun berusaha, setelah berbilion ringgit diperuntukkan, setelah beberapa bank dan pelbagai dana ditubuhkan, hari ini pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih rendah dan mereka masih berniaga di gerai tepi jalan dan belum masuk ke kedai batu, kata perdana menteri.

Dr Mahathir berkata bandar-bandar baru di Malaysia tidak mencerminkan penduduk berbilang kaum di Malaysia manakala di bandar-bandar lama kebanyakan warga kota Melayu hanya terdiri daripada setinggan.

"Adakah ini disebabkan kerajaan tidak berusaha? Kaum yang tidak diberi bantuan oleh kerajaan jelas berjaya. Kenapa orang Melayu yang diberi bermacam-macam bantuan tidak berjaya?," tanya beliau.

Dr Mahathir berkata selagi orang Melayu tidak mahu mengaku bahawa kelemahan yang sebenar berada pada diri mereka sendiri, selagi mereka tidak sanggup membetulkan kesalahan mereka, selama itulah mereka akan gagal dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Tegasnya mereka yang ingin kaya cepat akan miskin cepat. Hanya mereka yang rajin, tekun, sabar dan jujur sahaja yang akan berjaya baik dalam bidang ekonomi ataupun dalam apa juga bidang.

Perdana Menteri berkata orang Melayu yang tidak bergantung kepada hak istimewa mereka, yang tekun reusaha, yang sabar dan tidak ingin cepat kaya melainkan dengan usaha sendiri dengan cara halal akan menjadi orang Melayu yang mampu bertahan dan berjaya.

Dr Mahathir berkata satu permulaan mestilah dibuat bagi orang Melayu untuk mulai bekerja keras.

"Permulaan bermula dengan mengikis kepercayaan bahawa kita tetap akan selamat kerana Kerajaan manapun akan menolong kita. Cuba fikir akan kemungkinan kita tidak akan dilindungi dan kita perlu berdikari, berdiri di atas kaki sendiri."

Dr Mahathir berkata bila globalisasi menjadi satu realiti, orang Melayu tidak lagi dapat berlindung di sebalik hak keistimewaan mereka, DEB atau di sebalik sempadan mereka.

"Bila tembok-tembok negara-negara diruntuhkan oleh orang asing, semua dasar yang melindungi hak keistimewaan orang Melayu sebagai "bumiputera" akan dicabar," tambahnya.

Perdana menteri juga menyentuh mengenai ekonomi Malaysia yang disifatkannya telah pulih, sungguhpun tidak sepenuhnya, disebabkan kemelesetan ekonomi negara-negara lain dan bukan kerana kelemahan pendekatan kerajaan.

Pendapatan per kapita telah meningkat kepada AS\$4,000 daripada AS\$300

sebelum Merdeka pada 1957, katanya.

Beliau juga mengingatkan bahawa bila penyangak matawang asing menyerang ringgit, mereka menunggu Malaysia meminta bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa atau Bank Dunia.

"Tetapi kita tidak mengemis. Kita pulih melalui usaha kita sendiri, dengan wang kita sendiri."

Ini, katanya, menjadikan sesetengah orang asing lebih marah dan kini terdapat tanda-tanda yang mereka cuba sekali lagi merosakkan ekonomi negara melalui laporan media yang berat sebelah supaya para pelabur asing menjauhkan diri daripada Malaysia.

"Kita sedang memantau usaha-usaha ini dan akan membentuk stratgi-strategi kita sendiri (untuk melawan mereka)," katanya.

Perdana menteri juga membidas sesetengah orang asing dan media mereka kerana berdendam terhadap Malaysia.

"Mereka hanya ingin melihat kehancuran, yang menimpa negara-negara lain berlaku kepada negara kita. Mereka ingin supaya kita menjadi negara pelanggan boneka mereka." -- BERNAMA

SHO SHY OS